

-Kontraktor bumiputera jadi broker dikesan punca projek gagal

KUALA LUMPUR 24 Julai — Sikap tidak ikhlas segelintir kontraktor bumiputera yang menceburi bidang pembinaan semata-mata untuk menjadi broker dikenal pasti sebagai punca utama projek-projek kerajaan gagal disempurnakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Mohamed Khaled Nordin berkata, tindakan sedemikian amat dikesali kerana ia telah menjejaskan usaha kerajaan untuk membangunkan golongan kontraktor bumiputera yang tulen.

“Ada yang menceburi bidang ini bukan dengan tujuan untuk menjadi kontraktor, tetapi menjadi broker projek.

“Ini bermakna mereka hanya berniat untuk mendapatkan projek kerajaan dan kemudian menjual kepada pihak lain untuk mendapatkan keuntungan atas angin dengan cepat.

“Perkara ini telah merugikan semua pihak,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas merasmikan Seminar dan Dialog Peluang Pemiagaan dan Pembiayaan Strategik anjuran Pusat Pembangunan Usahawan Negara (NEDC), di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kekecewaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam berhubung masalah pembinaan makmal komputer sekolah yang dipertanggungjawabkan kepada kontraktor bumiputera gagal disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan.